

17/07/2002

Pas sebar risalah guna lambang BN caci Fadzil

ALOR STAR, Selasa - Pembangkang semakin terdesak untuk memenangi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, sehingga sanggup menyebarkan pelbagai risalah palsu termasuk menggunakan lambang Barisan Nasional (BN) yang mencaci Allahyarham Datuk Fadzil Noor.

Mereka juga dikatakan menghalang petugas BN memasuki kampung untuk berkempen dan menampal poster selain bertindak menghalang penduduk mendengar ceramah BN. Malah, beberapa pemimpin Pas dikatakan mengugut pengundi supaya jangan memangkah BN jika tidak mahu dipulaukan di kampung mereka.

Penyelaras Pilihan Raya BN, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata perkataan yang digunakan dalam risalah mencaci Fadzil itu terlalu keji, terutama terhadap orang yang sudah meninggal dunia.

"Kita tidak akan melakukan perkara begitu. Tidak mungkin pada waktu begini kita mahu melakukan perkara yang boleh merugikan BN. Kita tidak akan menyerang mereka yang sudah meninggal dunia.

"Cara mereka buat sangat rendah mutu dan tidak bermaruah sehingga sanggup mencaci pemimpin sendiri di sebalik lambang BN dengan harapan ia ada kesan psikologi," katanya ketika ditemui hari ini.

Beliau diminta mengulas salinan risalah yang menyerupai Fikrah Siasah milik BN tetapi bertajuk "Fadzil Noor Penderhaka Melayu Zaman Ini - Ini Kisah Sebenar" yang mencaci Allahyarham Fadzil diedarkan di kedua-dua kawasan pilihan raya.

Turut diedarkan kepada pengundi di Pendang malam tadi ialah risalah memaparkan gambar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan tulisan 'Saya adalah khalifah Islam yang disanjung oleh negara-negara Islam seluruh dunia' kononnya dipetik daripada Berita Harian terbitan 20 Julai 1999.

Satu lagi risalah dengan gambar yang sama juga mengandungi perkataan Berita Harian 20 Julai 1999. Pada risalah itu ditulis 'Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, Nik Aziz bukanlah ulamak Islam sebenar, Haji Hadi Awang pula seorang penipu. Sayalah seorang pejuang Islam sebenar, saya adalah tokoh Islam yang disanjung di seluruh dunia.'

Kedua-dua risalah itu nyata palsu kerana Berita Harian tidak pernah menyiarkan berita demikian (Pengerang).

Muhamad berkata, risalah Fikrah Siasah sebenar yang diterbitkan BN menggunakan gambar Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berpeluk dengan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang.

Beliau menyifatkan pengedaran Fikrah Siasah palsu itu sebagai satu taktik pembangkang menjelang hari akhir kempen berikutan keadaan mereka yang sudah terdesak.

"Beberapa pemimpin Pas juga mengugut pengundi supaya jangan mengundi BN jika tidak mahu dipulaukan di kampung mereka. Pas kini terdesak dan akan guna apa cara pun untuk memenangi kedua-dua pilihan raya kecil itu," katanya.

Muhammad yang juga Naib Presiden Umno berkata Pas akan terkena "kesan boomerang" berikutan tindakannya itu.

"Ini kerana pengundi pasti akan sedar tentang taktik kasar Pas dan menyokong BN pula. Taktik itu sebahagian usaha pembangkang menimbulkan kebencian pengundi terhadap BN menjelang saat akhir kempen.

"Malah saya dapat tahu mereka akan menyamar sebagai petugas BN dan menunggang motosikal, membuat bising dan mengganggu lalu lintas pada hari mengundi supaya orang marah kepada BN," katanya.

Beliau bagaimanapun yakin polis akan mengambil langkah perlu dan pengundi tidak perlu bimbang untuk keluar mengundi.

Pada masa sama, beliau berkata, petugas BN juga diarahkan tidak bertindak balas jika dikasari pembangkang.

"Kita datang bukan untuk bergaduh Melayu dengan Melayu, kita cuma mahu menyampaikan mesej bahawa mengundi BN adalah pilihan yang baik," katanya.